

**TEKS UCAPAN  
Y.A.A. TUN RAUS SHARIF  
KETUA HAKIM NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH  
PELANTIKAN PESURUHJAYA  
KEHAKIMAN**

**30 MAC 2018 (JUMAAT) 3.00 PETANG**

**DEWAN PERSIDANGAN  
ISTANA KEHAKIMAN**

**Bismillahirahmanirahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.**

**Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Seri Zulkefli Ahmad Makinudin  
Presiden Mahkamah Rayuan dan isteri, Yang Berbahagia  
Puan Sri Dato' Indera Rohani Mohamed Kassim;**

**Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Sri Ahmad Haji Maarop,  
Hakim Besar Malaya dan isteri, Yang Berbahagia Puan Sri  
Datin Sri Zainon Haji Zainuddin;**

**Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard  
Malanjum,  
Hakim Besar Sabah dan Sarawak**

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin  
Ali, Peguam Negara dan isteri, Yang Berbahagia Puan Sri  
Dato' Sri Faridah Begum binti K.A. Abdul Kader**

**YA Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan Rayuan**

**Yang Berbahagia Dato' Anantham Kasinather  
Ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman**

**Yang Berbahagia Datuk Haji Aslam Haji Zainuddin**  
Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)

**Yang Berusaha Puan Sabariah Othman**  
Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)

**Yang Berusaha Tuan Wan Khairilanwar bin Wan Muhammad**  
Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

**Barisan Pengurusan Tertinggi**  
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Ahli-ahli keluarga kepada Yang Arif-Yang Arif Pesuruhjaya  
Kehakiman

Pegawai-pegawai Kehakiman;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita memanjatkan lafaz syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama hadir pada Majlis Penyampaian Watikah dan Angkat Sumpah, Pesuruhjaya Kehakiman.

2. Bagi pihak Badan Kehakiman saya menjunjung kasih atas limpah perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, Sultan Muhammad ke-V atas pelantikan:
  - (i) **Yang Arif Dato' Ahmad Fairuz bin Zainol Abidin,**
  - (ii) **Yang Arif Dato' Mohd Radzi bin Harun,**
  - (iii) **Yang Arif Dato' Hajah Aliza binti Sulaiman,**
  - (iv) **Yang Arif Datuk Meor Hashimi bin Abdul Hamid,**
  - (v) **Yang Arif Puan Wong Chee Lin,**
  - (vi) **Yang Arif Encik Darryl Goon Siew Chye; dan**
  - (vii) **Yang Arif Dr. Lim Hock Leng**  
sebagai Pesuruhjaya Kehakiman.
3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, kerana telah menerima cadangan **Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman** berkaitan dengan pelantikan ini.

4. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Badan Kehakiman ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Arif-Yang Arif atas perlantikan ini. Sudah tentunya perlantikan Yang Arif-Yang Arif selaku Pesuruhjaya Kehakiman pada hari ini akan terlakar sebagai satu kenangan indah dalam memori kehidupan Yang Arif-Yang Arif dan keluarga.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

5. Jika diperhatikan, setiap seorang daripada Yang Arif-Yang Arif yang dilantik pada hari ini mempunyai latar belakang kerjaya dan pengalaman yang berbeza. Saya berharap dengan pengalaman kerja yang dimiliki ini, pelantikan mereka akan memberikan rejeki yang positif kepada Badan Kehakiman. Saya juga berharap Yang Arif-Yang Arif, dengan kepakaran dan pengetahuan undang-undang yang pelbagai ini dapat memikul tanggungjawab dengan berkesan.

6. Sebagai Hakim, kita harus sedar bahawa pada masa ini, ekspektasi masyarakat terhadap Sistem Kehakiman Negara adalah sangat tinggi. Di zaman teknologi yang serba canggih ini, kebanyakkan keputusan Mahkamah diteliti dan diulas oleh masyarakat melalui media cetak dan media elektronik. Oleh itu, keputusan kita hendaklah dibuat dengan teliti. Keputusan hendaklah adil berlandaskan undang-undang dan fakta yang terbukti. Alasan penghakiman pula hendaklah disediakan dengan segera. Bukan sahaja segera dalam menyediakan alasan penghakiman, tetapi alasan penghakiman mestilah mudah difahami rasionalnya. Jika semua ini tidak diberi perhatian, keputusan kita akan dipersoal dan akibatnya, keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap Badan Kehakiman akan terhakis.
7. Saya yakin dan percaya, berdasarkan pengalaman yang dimiliki, Yang Arif-Yang Arif akan dapat memikul tanggungjawab seperti yang diamanahkan.
8. Pada kesempatan ini juga, suka saya menarik perhatian Yang Arif-Yang Arif akan kandungan **Sumpah Jawatan dan Taat Setia** yang baharu dilafazkan sebentar tadi. Ada tiga perkara yang perlu diingatkan iaitu:

- (i) dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan kehakiman;
  - (ii) akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan
  - (iii) akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya”.
9. Saya berharap, ikrar dan janji yang dilafazkan ini sentiasa diingati dan hendaklah dijadikan panduan dalam menggalas tanggungjawab sebagai Pesuruhjaya Kehakiman. Yang paling penting ialah kejujuran. Bermakna Yang Arif-Yang Arif mesti mempunyai integriti yang tinggi. Jika soal integriti diremehkan, ia akan membawa bencana kepada Badan Kehakiman.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

10. Sejak akhir tahun 2008 Badan Kehakiman Malaysia telah mengerakkan pembaharuan atau **reform** untuk memastikan Badan Kehakiman sentiasa efisien, dihormati dan dipercayai oleh masyarakat. Pencapaian yang membanggakan dalam melupuskan kes tertunggak telah diiktiraf bukan sahaja diperingkat nasional, bahkan juga diperingkat antarabangsa.
11. Namun begitu, sesuatu **reform** itu tidak seharusnya terhenti. **Reform** itu tidak bersifat statik tetapi harus berterusan. Idea-idea baharu perlu diketengahkan untuk menghadapi masalah semasa.
12. Saya mengambil contoh mengenai prestasi kita dalam pelupusan kes. Untuk tujuan itu, izinkan saya berkongsi statistik akan jumlah kes di Mahkamah Tinggi, di mana Yang Arif-Yang Arif akan ditempatkan.
13. Setakat akhir tahun 2017, terdapat **4,615 kes jenayah** yang belum diselesaikan di Mahkamah Tinggi seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, **178 kes atau 4 peratus** adalah kes pra 2016, manakala **577 kes atau 12 peratus** adalah kes tahun 2016. Bakinya, **3,860 atau 84 peratus** adalah kes-kes tahun 2017.

14. Untuk **kes-kes sivil** pula, untuk tempoh yang sama terdapat **19,219** kes yang masih belum diselesaikan di Mahkamah Tinggi. Daripada jumlah tersebut, **988 kes atau 5 peratus** adalah kes pra 2016, **1,721 kes atau 9 peratus** adalah kes tahun 2016 dan bakinya **16,510 atau 86 peratus** adalah kes-kes tahun 2017.
15. Berdasarkan statistik, kebanyakkan kes pra-2017 adalah kes-kes di Mahkamah Tinggi Selangor dan Kuala Lumpur. Oleh sebab itulah, lima orang daripada Yang Arif-Yang Arif yang dilantik pada hari ini, akan ditempatkan di Mahkamah Tinggi di Selangor dan Kuala Lumpur. Seorang di Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak dan seorang lagi di Mahkamah Tinggi Kuching, Sarawak.
16. Adalah menjadi harapan saya dengan perlantikan Yang Arif-Yang Arif ini, penyelesaian kes-kes pra 2017 akan dapat dilakukan dalam masa yang terdekat. Saya telah mensasarkan, kes-kes pra 2017 dapat diselesaikan di akhir bulan Jun 2018.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

17. Satu lagi **reform** yang digerakkan oleh Badan Kehakiman ialah untuk mempastikan pendengaran sesuatu kes tidak tertangguh sewenang-wenangnya. Budaya penangguhan kes harus kita tangani. Mahkamah di negara-negara seperti Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Singapura, budaya menangguhkan kes tidak wujud. Saya mahu budaya ini diamalkan dalam Sistem Kehakiman kita.
  
18. Saya mahu melihat apabila sesuatu kes ditetapkan untuk perbicaraan, ia mesti didengar dan diputuskan tanpa penangguhan. Perkara ini telah saya nyatakan di Majlis *Opening of the Judicial Year 2018* yang lalu:  
  
*“Adjournments should only be granted in extraordinary circumstances. Adjournments of trials must be a rarity. I will not allow frequent delays in the adjudication process and will endeavour to work towards inculcating a culture which encourages trial date or hearing date certainty in all courts throughout Malaysia. The governing principle in ensuring certainty of trial dates or hearing dates is, it is for the court, and not the parties to manage the hearing date of a particular case”.*

19. Oleh yang demikian, saya amat berharap Yang Arif-Yang Arif yang dilantik pada hari ini, dan juga Hakim-Hakim yang sedia ada, memahami budaya ini dengan menjalankan pengurusan kes dengan baik bagi memastikan tiada penangguhan berlaku apabila sesuatu kes ditetapkan untuk perbicaraan.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

20. Untuk makluman, sejak lima hari yang lalu, Yang Arif-Yang Arif yang baharu dilantik ini, telah menyertai *Induction Course* yang dianjurkan oleh Akademi Kehakiman. Saya berharap *Induction Course* tersebut berjaya mencapai matlamatnya, iaitu memberi pendedahan dan persediaan peralihan kerja Yang Arif-Yang Arif, dari kerjaya lama kepada kerjaya yang baharu di dalam Badan Kehakiman.

21. Dengan itu, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Ilahi, supaya Pesuruhjaya Kehakiman yang baru dilantik ini, dan kita semua, Hakim-Hakim diberi kekuatan, kecekalan dan kesungguhan untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita.

22. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada **Yang Arif - Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman** yang baharu dilantik ini. Saya berharap, Yang Arif- Yang Arif semua, akan berusaha menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab selaras dengan kandungan **Sumpah Jawatan dan Taat Setia** yang Yang Arif-Yang Arif lafazkan sebentar tadi.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.